



# BENGKEL PELAPORAN OUTCOME BASED EDUCATION (OBE):

## TRANSFORMASI KUALITI PROGRAM

Oleh Mohamad Khairul Duan

Pada 3 September 2024, Fakulti Perakaunan UiTM Sarawak telah menganjurkan Bengkel Pengenalan Analisa Outcome Based Education (OBE) yang berlangsung di Bilik Sarjana, Kampus Kota Samarahan. Bengkel ini melibatkan 26 orang pensyarah daripada Fakulti Perakaunan dan Pusat Pengajian Sains Maklumat. Turut hadir dalam bengkel ini adalah En. Yussri bin Sawani, Ketua Unit Kualiti UiTM Cawangan Sarawak.

ntara objektif utama bengkel ini adalah untuk memastikan para pensyarah dapat meningkatkan kualiti pelaporan Programme Learning Outcome Assessment (PLOA) dalam laporan CDL-CQI yang perlu disediakan pada setiap semester sebagai rujukan pihak NOBLE. NOBLE merupakan jawatankuasa yang bertanggungjawab mengukur pencapaian hasil pembelajaran di peringkat kursus, program, dan objektif, iaitu Course Learning Outcomes (CLO), Programme Learning Outcomes (PLO), dan Programme Educational Objectives (PEO). Seiring dengan itu, bengkel ini juga bertujuan memberi pencerahan kepada pensyarah berkaitan pencapaian PLO dan prestasi pelajar, bagi membantu perancangan pemantapan akademik di masa hadapan.

Fasilitator jemputan bagi bengkel ini ialah Puan Susana William, WF NOBLE daripada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Beliau memberikan

### ONE WEEK ONE STORY

penerangan yang jelas mengenai elemen-elemen penting dalam menyiapkan pelaporan Outcome Based Education (OBE). Penekanan diberikan kepada penggunaan ayat yang jelas dalam penulisan supaya perbandingan dan pencapaian hasil pembelajaran dapat dilihat dengan ketara. Sesi hands-on turut diadakan semasa penerangan oleh Puan Susana, di mana beliau menjawab keraguan yang diutarakan oleh para pensyarah, bagi memastikan kelancaran penilaian PLO di tahap kumpulan



Puan Susan memberikan penerangan mengenai elemen penting di dalam pelaporan OBE

Sebagai lanjutan, Encik Yussri turut menekankan kepentingan pemetaan antara elemen dalam Course Information (Learning Outcomes) yang diperoleh daripada sistem AIMS dengan Malaysian Qualification Framework (MQF) 2.0. Beliau menegaskan bahawa pemetaan ini penting bagi memastikan keselarasan antara hasil pembelajaran kursus dan piawaian kebangsaan. Contohnya, dalam Course Information, PLO 17 berkaitan dengan "Ethics and Professionalism," manakala dalam MQF 2.0, indikator yang sepadan untuk "Ethics and Professionalism" adalah indikator 11. Pendekatan ini membantu pensyarah memastikan kesesuaian antara kurikulum dan standard yang ditetapkan oleh MQF 2.0.



Dr Susan dan Puan Zainon sedang berbincang berkenaan pencapaian OBE subjek PPSM



Pensyarah PPSM sedang sibuk menyiapkan pelaporan OBE untuk subjek yang diajar pada semester lepas